



PULAU PINANG 2030

RINGKASAN EKSEKUTIF



PLANMalaysia
@PulauPinang
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

Disediakan oleh
PLANMalaysia@Pulau Pinang
(Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang)
Tingkat 57, KOMTAR, 10000 George Town, Pulau Pinang

www.jpbd.penang.gov.my

Dengan kerjasama
SD Reka Urban Planners & Designers

Hakcipta Jabatan

Semua hak terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara, sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau pun apa jua cara sekalipun tanpa izin daripada PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 (Dengan Pindaan-Pindaan Di Bawah Akta-akta A866, A933, A1129, dan A1313.

13 Jun 2007
RSNPP 2020
Mulai
Berkuasa

Kenapa
Perlu
Kajian
Semula?

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 (dengan pindaan-pindaan di bawah Akta-Akta A866, A933, A1129, A1313) merupakan asas perundangan untuk penyediaan Rancangan Struktur Negeri.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang pertama dinamakan "Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020" atau "RSNPP 2020" yang telah disediakan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang pada 12 Jun 2007.

Persetujuan kepada kelulusan JPN telah diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Pulau Pinang pada 13 Jun, 2007, tarikh yang mana RSNPP 2020 mulai berkuatkuasa. Fakta persetujuan PBN telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Jilid 51 No 13 Tambahan No 1 bertarikh 28 Jun 2007.

Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri ini disediakan sebagai memenuhi keperluan Seksyen 11(1), Akta 172 di mana seksyen ini menyatakan, "Sesuatu Rancangan Struktur yang telah mula berkuatkuasa adalah tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri. Kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh Negeri itu."

Seksyen 8 (3) Akta 172

Draf Rancangan Struktur bagi Negeri itu adalah suatu pernyataan bertulis:-

- a. yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam Negeri. RSN akan mengambilkira langkah-langkah untuk memperelok perhubungan dan persekitaran hidup dari segi fizikal, sosial dan ekonomi disamping memudahkan pemajuan yang mampan;*
- b. yang menyatakan pertalian cadangan itu dengan cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan berjaran yang mungkin dijangka menyentuh kawasan itu; dan*
- c. yang mengandungi perkara lain sebagaimana yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa dalam mana—mana hal.*

Tujuan Kajian Semula RSNPP 2020 adalah seperti berikut :-

- Mengintegrasikan rancangan, strategi, program dan dasar-dasar baharu di peringkat Nasional, Wilayah dan Negeri; termasuk Rancangan Pemajuan Nasional (Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara, Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara) dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- Mengambilkira dasar, polisi dan garis panduan pembangunan baharu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) termasuk Pelan Induk Pengangkutan Negeri.
- Menyemak dan mengkaji semula pelaksanaan dasar, gambarajah, program dan projek-projek yang telah dikenalpasti untuk dikaji semula.
- Menyelesaikan isu-isu sektoral dengan mengambilkira kekuatan dan kelemahan dasar untuk mengenalpasti prospek dan cabaran pembangunan.
- Mengenalpasti prospek dan cabaran pembangunan dan implikasinya hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar tersebut.
- Membentuk dasar-dasar baharu yang bersesuaian dan lebih berdaya laksana.
- Menggalakkan pembangunan di kawasan yang berpotensi untuk pembangunan.
- Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu-isu wilayah atau perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/agensi.

HALA TUJU

Kepentingan Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Kerjasama Serantau dan Antarabangsa akan terus dikekalkan dan dimakmurkan melalui hubungan pentadbiran, ekonomi, sosial, pembangunan fizikal dan persekitaran.

Dua indikator dilihat iaitu kedudukan dan pengiktirafan Negeri di peringkat antarabangsa dan kerjasama perdagangan serantaunya.

1 KEPENTINGAN PULAU PINANG



Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Kerjasama Serantau Antarabangsa dikekalkan dan dimakmurkan melalui hubungan pentadbiran, ekonomi, sosial, pembangunan fizikal dan persekitaran.

KEDUDUKAN & PENGIKHTIRAFAN

Pengiktirafan Rukun Dan Persekitaran Bujur Bendera sebagai UNESCO Biosphere Reserve
Smart State/ICity

KERJASAMA PERDAGANGAN SERANTAU

Revolusi Era Industri Digital (4.0)
Melalui Lusa Kerjasama Perdagangan Antarabangsa yang melibatkan (IoT) Internet of Things



2 PUSAT PERTUMBUHAN WILAYAH



GEORGE TOWN
Pusat Tumpuan Aktiviti Membeli-Beli Utama Wilayah Utara



INDUSTRI
Jenis Industri Baharu Berasaskan Tenaga Mahir Di Kawasan Baharu



PELANCONGAN
Pakej Pelancongan Negeri Berjalan yang Menawarkan Produk-Produk Dan Negeri Pulau Pinang

4 PENGUKUHAN ASAS & PROSPEK EKONOMI



RM53,076

KDNK
Pada tahun 2030, KDNK Pulau Pinang Mencapai Sasaran RM53,076 per Kapita Dengan Kadar Pertumbuhan Purata 4% Setahun

PENDAPATAN ISI RUMAH TERTINGGI
Sasaran Untuk Mencapai Pendapatan Isi Rumah Tertinggi Di Wilayah Utara



3 PENDUDUK & SUMBER MANUSIA YANG KUKUH



2.45 JUTA ORANG

PENDUDUK 2030
Pengagihan Penduduk Negeri yang Seimbang Bagi Semua Daeiran



TAHAH PENDIDIKAN TENAGA BURUH
Sasaran Pencapaian Tahap Pendidikan Tertinggi Tenaga Buruh Bagi Tahun 2030 Adalah Sebanyak 35%



5 PERINDUSTRIAN YANG KOMPETITIF



11,447 EKAR
TANAH PERINDUSTRIAN
Pertambahan Tanah Industri sebanyak 34.92% (2014-2030)
Kadar Pertumbuhan 2.67%



PERATUSAN IKS
Pengeluaran 80% Industri IKS

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

6 PUSAT PERDAGANGAN UTAMA



RUANG LANTAI PERDAGANGAN

Perambahan Ruang Lantai Sebanyak 30.36% (2014-2030) Dengan KPPT Sederhana sebanyak 1.7% Bagi Mengimbangi Lebihn Pada Tahun Sebelumnya

7 PENGUKUHAN SEKTOR PELANCONG



PEMBAHARUAN 2015
6.347 JUTA PELANCONG
SASARAN RSNPP 2020
6.000 JUTA PELANCONG

SASARAN KEDATANGAN PELANCONG

RSNPP 2030 Mensasarkan Kedatangan Pelancong Meningkat Kepada 7.735 JUTA Pelancong

7.735
JUTA PELANCONG

8 PERTANIAN MODEN & INDUSTRI ASAS TANI

36,405.53

HEKTAR

TANAH PERTANIAN
Seluas 36,405.53 Hektar Tanah Pertanian Pada Tahun 2030



HASIL PERTANIAN
Pengeluaran 505 Ribu Tan Meirik

505

Ribu Tan Meirik

9 GUNA TANAH & ALAM SEKITAR SEIMBANG



TEPU BINA
40% (36,000 HEKTAR)



PENDUDUK
40 ORANG/HEKTAR



AIR SUNGAI
100 M³/HEKTAR (PULSAH)



MARIN
KUALITI 100%



SISA PEPEJAL
100% (SARAFI BERSIH DAN KUKUH)

INDIKATOR KESEIMBANGAN PEMBANGUNAN

Lima (5) Indikator Kawalan Keseimbangan Guna Tanah & Pemanfaatan Alam Sekitar

10 PERBANDARAN & PENEMPATAN DESA

HIERARKI BANDAR

1 Bandar Global
1 Pusat Wilayah
8 Bandar Utama & 33 Bandar Tempatan



SEMPADAN DESA
Meningkatkan Kualiti Infrastruktur & Utiliti Penempatan Desa

11 PERUMAHAN & KEMUDAHAN AWAM



**30%
RMM**

PERUMAHAN UNTUK SEMUA
742,520 Unit Rumah Pada 2030, 30% RMM iaitu 222,756 Unit



HOSPITAL
1 KADIN < 1000 ORG



SEK. BENDAH
1 - 7 TAHUN MUDA

KEMUDAHAN MASYARAKAT BERKUALITI
Mengekalkan Agihan Seimbang & Berkualiti



KLINIK
1 KLINIK < 25,000 ORG



SEK. MENENGAH
1 - 18 TAHUN MUDA

12 PERHUBUNGAN & PENGANGKUTAN YANG KUKUH



12 JUTA
PENUMPANG
SETAHUN

LAPANGAN TERBANG
Pembesaran LTAB Bayan Lepas

PELABUHAN
Pengendalian Kontena di NBCT

2.9 JUTA
TEUS
(20,000 TEU EQUIVALENT UNITS)



TERMINAL AWAM
3 Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu

13 INFRASTRUKTUR NEGERI MAJU

BEKALAN AIR
1,483,000 M³/Sehari & Mengurangkan NRW Kepada 16.5%



BEKALAN ELEKTRIK
2,241MW & Galakan Renewable Energy & Green Technology

PENGAIRAN & SALIRAN
Pelan Induk Saliran & Tebatan Banjir

SISTEM PEMBETUNGAN
Sistem Pembelajaran Berpusat Di Kawasan Pembangunan Baharu





PULAU
PINANG
2030

DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030



VISI

MEMAKMURKAN PULAU PINANG SEBAGAI
SEBUAH NEGERI **PINTAR, HARMONI &
BERTARAF ANTARABANGSA**

MISI

Menjadikan Pulau Pinang Negeri Berdaya Huni Yang
Terbaik Di Malaysia Dengan Melengkapkan Rangkaian
Infrastruktur yang Efisen, Membangunkan Modal Insan
Yang Bedaya Saing, Menjana Ekonomi Yang Dinamik,
Dengan Urus Tadbir Yang Cekap, Selaras Dengan
Perkembangan Teknologi Ke Arah Mewujudkan
Persekitaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat



OBJEKTIF

OBJEKTIF 1

Mewujudkan Sistem Pengangkutan Yang Cepak Dan Dipercayai Serta Perumahan, Kemudahan Awam Dan Infrastruktur Yang Lengkap

OBJEKTIF 2

Membentuk Masyarakat Sejahtera, Berilmu Berkualiti, Berdaya Saing Dan Berbudaya Cemerlang

OBJEKTIF 3

Memacu Ekonomi Negeri Dengan Keistimewaan Tempatan Ke Arah Pengiktirafan Antarabangsa

OBJEKTIF 4

Memastikan Urus Tadbir Kerajaan Yang Baik Dan Mesra Rakyat

OBJEKTIF 5

Merancang Pembangunan Secara Mampuan Bagi Mencapai Persekitaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat.

'KEY WORD'

Negeri Pintar *smart state*

Penyataan visi yang mengambil beberapa kata kunci membawa maksud yang tersendiri di dalam acuan Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Ini bagi menjelaskan lagi hala tuju dasar perancangan pembangunan fizikal Negeri Pulau Pinang.

Pulau Pinang akan terus mengorak langkah sebagai sebuah negeri maju yang memiliki pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menawarkan persekitaran hidup yang kondusif.

Sebagai sebuah negeri pintar, ia akan terus bergerak dengan kecemerlangan dalam urus tadbir, mobiliti, pengawalan alam sekitar, kesejahteraan hidup masyarakat dan ekonominya yang mampu dicapai melalui pembangunan modal insan, persefahaman sosial, dan infrastruktur ICT yang berkualiti dan menyeluruh.

Indeks-indeks petunjuk bandar berdaya saing dunia terkini memberi gambaran bahawa Pulau Pinang kini dalam landasan yang tepat untuk mencapai sasaran sebagai sebuah Negeri Pintar.

Senarai Indeks Bandar Berdaya Saing Yang Boleh Disertai Oleh Bandar – Bandar Utama Di Malaysia.

 							
INDEKS BANDAR RAYA GLOBAL (GLOBAL CITIES INDEX)	GLOBAL POWER CITIES INDEX	BANDAR RAYA DUNIA (WORLD CLASS CITY)	LIVEABLE CITIES INDEX	SUSTAINABLE CITIES INDEX	BEST CITIES INDEX		
Menilai prestasi bandar dalam pertumbuhan ekonomi dan modal insan	Menilai prestasi bandar berdasarkan di sebuah bandar terhadap ekonomi global	Mengelaskan kedudukan yang kompetitif kuasa bandar-bandar utama dunia	Menilai prestasi bandar dalam menyediakan satu keadaan satu persekitaran hidup yang terbaik	Menilai prestasi bandar dalam pertumbuhan ekonomi dan modal insan	Menilai kedudukan bandar seperti Liveable Cities Index dalam mengaiti lima aspek pembangunan		
Indeks	Kuala Lumpur	Putrajaya	George Town	Johor Bahru	Kuantan	Kota Kinabalu	Kuching
Indeks Bandar Raya Global (Global Cities Index)	✓		✓	✓	✓	✓	✓
Bandar Raya Dunia (World Class City)	✓		✓	✓	✓	✓	✓
Smart Cities Index	✓	✓ (1)		✓ (2)			
Indeks Bandar Terbaik (Best Cities Index)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Indeks Bandar Raya Berdaya Huni (Liveable Cities Index)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Indeks Bandar Raya Mampan (Sustainable Cities Index)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015.							
(1) Cyberjaya							
(2) Wilayah Iskandar							



Pulau Pinang Harmoni *penang harmony*

Bertaraf Antarabangsa *international state*



PROSPERING PENANG AS A **SMART STATE** FEATURING **INTERNATIONAL STATUS AND HARMONY**

Harmoni sosial adalah keadaan di mana individu hidup seiringan dan serasi dengan tujuan masyarakatnya. Ianya dapat menjalani hidup secara aman dan baik sesuai dengan hasrat dan posisi sosialnya. Kepelbagaian dan kekayaan budaya adalah ciri unik masyarakat Pulau Pinang yang perlu dihormati bagi mewujudkan perasaan saling menghargai antara satu sama lain.

Pembudayaan ini turut meliputi sikap dan nilai-nilai toleransi, saling memahami, dan menghargai perbezaan yang ada antara kelompok masyarakat; di segenap latar dan peringkat umur masyarakat.

Harmoni juga melibatkan pengagihan elemen-elemen fizikal dan agihan gunatanah secara saksama dengan mengambil kira kesesuaian dan kesaling hubungan di antara elemen-elemen tersebut.

Pulau Pinang Harmoni; Keadaan yang telahpun sedia wujud di negeri ini sejak sekian lama perlu terus dikekalkan dan diperkukuhkan sebagai salah satu asas dalam mereraju kesejahteraan pembangunan di masa hadapan.

Kedudukan (*positioning*) Pulau Pinang sebagai sebuah hub ekonomi di peringkat serantau dan antarabangsa akan terus kukuh melalui persefahaman dan pewujudan peluang-peluang pelaburan dalam sektor perdagangan, perindustrian, pelancongan dan lain-lain sektor ekonomi.

Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah **destinasi pelaburan dan pelancongan antarabangsa**, akan terus mengekalkan persekitarannya yang kondusif dengan sokongan infrastruktur yang terbaik berlatarkan kepelbagaian budaya dan citarasa. Sebagai tunjang utama bagi pertumbuhan ekonomi wilayah utara Semenanjung Malaysia, Pulau Pinang akan kekal sebaris dengan bandar dan konurbasi lain negara dalam mewujudkan peluang-peluang daya huni dan ekonomi yang mampan.

PROFIL KAWASAN

Negeri Pulau Pinang yang strategik sentiasa menjadi tarikan dunia. Keunikan identiti Pulau Pinang dikenali sebagai antara destinasi pelancongan domestik yang berjaya menambat hati pelancong luar negara. Pada tahun 2017 Negeri Pulau Pinang tersenarai di tangga ke dua (2) dari 17 lokasi terbaik dunia yang perlu dilawati.

Negeri Pulau Pinang dikenali sebagai 'Pearl of Orient' / Pulau Mutiara. Ianya merupakan 'Silicon Valley of The East' kerana kemajuan sektor industri. Pulau Pinang juga merupakan salah satu kuasa ekonomi yang paling penting di Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai KDNK per kapita tertinggi berbanding negeri di Malaysia. Pulau Pinang juga menduduki tempat ketiga tertinggi dalam Indeks Pembangunan Manusia di Malaysia selepas Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2015).

Secara fizikalnya, Negeri Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Pulau dan Seberang Perai. 5 daerah iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di bahagian Pulau Pinang serta Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan di kawasan Tanah Besar. Ibu Negeri bagi Negeri Pulau Pinang adalah George Town dan ianya disokong oleh beberapa bandar utama lain seperti Bayan Baru, Jelutong, Tanjong Tokong, Bandar Baru Ayer Itam, Butterworth, Bukit Mertajam dan Kepala Batas/ Bandar Bertam.




Keluasan rasmi
104,868 hektar
(259,128 ekar)

Kawasan tebusguna
(sedia ada dan cadangan)
3,178.49 ekar
'Penang South Reclamation' (PSR)
±4,500 ekar

Unjuran penduduk 2030
2.45 juta orang
KPPT 1.6 %

Aktiviti utama penduduk
perkhidmatan & pembuatan

Pentadbiran politik
13 parlimen
40 DUN



PEMBENTUKAN TERAS

Format **Draf RSNPP 2030** kini berwajah baharu hasil evolusi daripada RSNPP 2020.

Aliran pembentukan teras adalah daripada satu **Visi** yang ditetapkan dan dihuraiakan kepada **Misi** bagi menggambarkan hala tuju sebenar perancangan fizikal Negeri Pulau Pinang.

Misi ini dipecahkan kepada **5 objektif perancangan** yang perlu dicapai dalam tempoh masa perancangan iaitu sehingga tahun 2030.

Bagi merealisasikan objektif perancangan, 5 teras diwujudkan yang mengandungi 13 dasar perancangan utama (DPU), 58 dasar strategik pelaksanaan (DSP) dan 237 langkah-langkah pelaksanaan. Selain itu, 3 dasar khusus (DK) diwujudkan dengan disokong 29 langkah-langkah pelaksanaan.



TERAS PEMBANGUNAN RSNPP 2030

TERAS 1


3 Dasar Perancangan Utama (DPU)

20 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
63 Langkah (L)

**INFRASTRUKTUR
INKLUSIF DAN
KESALING-
HUBUNGAN
MENYELURUH**

TERAS 2


3 Dasar Perancangan Utama (DPU)

14 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
58 Langkah (L)

**MODAL INSAN
YANG KREATIF
DAN INOVATIF**

TERAS 3


2 Dasar Perancangan Utama (DPU)

7 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
48 Langkah (L)

**EKONOMI
BERDAYA SAING,
BERNILAI TINGGI &
BERTARAF
GLOBAL**

TERAS 4


1 Dasar Perancangan Utama (DPU)

2 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
10 Langkah (L)

**URUS TADBIR
KERAJAAN
YANG BAIK**

TERAS 5


4 Dasar Perancangan Utama (DPU)

15 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
58 Langkah (L)

**PEMBANGUNAN
MAMPAN, MESRA
ALAM & BERDAYA
HUNI**

GAMBARAJAH UTAMA



**PULAU
PINANG**
2030



DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN



TERAS 1 INFRASTRUKTUR INKLUSI DAN KESALINGHUBUNGAN MENYELURUH



**MENGUKURKAN RANGKAIAN &
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR
PENGANGKUTAN DI SELURUH
NEGERI PULAU PINANG**

DPU 1.1

**10
DSP**
29
LANGKAH



**MENINGKATKAN KECEKAPAN
PERKHIDMATAN & KESELAHAN
PENGANGKUTAN AWAM**

DPU 1.2

**2
DSP**
7
LANGKAH



**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
UTILITI YANG BERKESAN &
MELAKSANAKAN INISIATIF
TEKNOLOGI HIJAU**

DPU 1.3

**8
DSP**
27
LANGKAH

DPU 1.1

**MENGUKURKAN RANGKAIAN DAN
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR
PENGANGKUTAN DI SELURUH
NEGERI PULAU PINANG**

DSP 1.1.1

Menaiktaraf Kemudahan Dan Meningkatkan Kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Bagi Menampung Peningkatan Penumpang Dan Pengendalian Kargo

DSP 1.1.2

Menaiktaraf Dan Meningkatkan Kapasiti Pelabuhan laut, Terminal Kargo Buterworth Utara (NBCT), Terminal Kargo Buterworth, Dermaga Kargo Pukal Peral Dan Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT)

DSP 1.1.3

Menjadikan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (TMP) Sebagai Asas Rujukan Utama Dalam Melaksanakan Pembangunan Pengangkutan

DSP 1.1.4

Menjadikan Pulau Pinang Sebagai Hub Pengangkutan Darat Di Wilayah Utara.

DSP 1.1.5

Mengunapakai Sistem Pengangkutan Yang Inovatif Dan Berteknologi Tinggi Dalam Perancangan Pembangunan

DSP 1.1.6

Meningkatkan Kecekapan Dalam Pembinaan, Penyelenggaraan Jalan Dan Penggunaan Lalulintas

DSP 1.1.7

Membangunkan Infrastruktur Rel Bagi Melengkapkan Rangkaian Perhubungan Negeri.

DSP 1.1.8

Menaiktaraf Jeti Feri Sedia Ada Dan Menyediakan Jeti Baharu Serta Infrastruktur Sokongan Bagi Melaksanakan Perkhidmatan 'Water Taxi'

DSP 1.1.9

Memastikan Sistem Rangkaian Jalan Yang Lebih Cepak Dan Berkesan Untuk Mengurangkan Masa Dan Kos Perjalanan Di Samping Meningkatkan Keselamatan Dan Keselamatan Di Jalan Raya

DSP 1.1.10

Menyediakan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Selamat Secara Menyeluruh Khususnya Di Kawasan Pembangunan Dan Tankan Utama

DPU 1.3

**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
UTILITI YANG BERKESAN DAN
MELAKSANAKAN INISIATIF
TEKNOLOGI HIJAU**

DSP 1.3.1

Meningkatkan Infrastruktur Telekomunikasi Ke Arah Menjadikan Pulau Pinang Sebagai Negeri Pintar.

DSP 1.3.2

Menggalakan Penggunaan Gas Asli Sebagai Sumber Alternatif Untuk Kegunaan Industri Pembuatan, Automotif Dan Domestik.

DSP 1.3.3

Melaksanakan Program Peningkatan Kapasiti Bekalan Air Mentah Selaras Dengan Pertambahan Permintaan Dan Sumber Air Melalui IRBM (Integrated River Basin Management), Serta Kaedah-Kaedah Guna Semula Yang Berteknologi Tinggi.

DSP 1.3.4

Memastikan Sistem Saliran Dan Perparitan Yang Terurus.

DSP 1.3.5

Menyediakan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi.

DSP 1.3.6

Meningkatkan Sistem Pembetulan Berpusat.

DSP 1.3.7

Mewujudkan Satu Sistem Pengurusan Dan Perkhidmatan Buangan Sisa Pejalan Dan Sisa Terjual Yang Lebih Cepak Dan Berkesan.

DSP 1.3.8

Memastikan Kemudahan Infrastruktur Dan Utiliti Dibekalkan Dengan Sempurna Dan Mencukupi.

DPU 1.2

**MENINGKATKAN KECEKAPAN
PERKHIDMATAN DAN KESELAHAN
PENGANGKUTAN AWAM**

DSP 1.2.1

Memastikan Liputan Pengangkutan Awam Yang Menyeluruh Dan Efisien.

DSP 1.2.2

Menawarkan Pengangkutan Awam Yang Efisien, Selesa Dan Rendah Karbon.

DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN



TERAS 2 MODEL INSAN YANG KREATIF DAN INOVATIF

**MENYEDIAKAN SUASANA
PERSEKITARAN YANG KONDISIF
SEBAGAI TEMPAT TINGGAL,
BEKERJA & BERIAHAD DALAM
MEMBENTUK MASYARAKAT
HARMONI, PENYAYANG DAN
BERBUDAYA MURNI**

DPU 2.1

**5
DSP**
30
LANGKAH

**MEMINGKATKAN
PEMBANGUNAN
MODAL INSAN MELALUI
PENYEDIAAN PRASARANA
YANG BERSEKUTUAN**

DPU 2.2

**2
DSP**
7
LANGKAH

**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
MASYARAKAT MENCIKUP
BERKUALITI, BERTEKNOLOGI
PINTAR DAN MUDAH SAMPAI
KEPADA SEMUA LAPISAN
MASYARAKAT**

DPU 2.3

**7
DSP**
22
LANGKAH

DPU 2.1

**MENYEDIAKAN SUASANA
PERSEKITARAN YANG KONDISIF
SEBAGAI TEMPAT TINGGAL,
BEKERJA DAN BERIAHAD DALAM
MEMBENTUK MASYARAKAT
HARMONI, PENYAYANG DAN
BERBUDAYA MURNI**

[DS 5]

DSP 2.1.1

Melaksanakan Strategi Pembangunan
Mempunyai Bagi Mencapai Pembangunan
Perumahan dan Agihan Penduduk Yang
Sesuai.

DSP 2.1.2

Menggunakan Tanah Secara Lebih Efisien
Untuk Tujuan Pemajuan Perumahan Baharu
Dan Pembangunan Semula Yang Inklusif

DSP 2.1.3

Memastikan Penempatan Semula Penduduk
Selingan Dilaksana Dengan Sempurna
Untuk Mencapai Selingan Sifar Di Pulau
Pinang.

DSP 2.1.4

Menyediakan Perumahan Mampu Milik Di
Lokasi Strategik.

DSP 2.1.5

Menggalakan Penyediaan Kemudahan-
Kemudahan Bagi Mempunyai, Memelihara Dan
Menghijaukan Semula Kawasan Dan
Kebudayaan Tempatan



DPU 2.2

**MEMINGKATKAN PEMBANGUNAN
MODAL INSAN MELALUI
PENYEDIAAN PRASARANA YANG
BERSEKUTUAN**

[DS 6]

DSP 2.2.1

Memperingkatkan Penyediaan
Kemudahan Pendidikan Dari Peningkat
Asas Sehingga Ke Peningkat Tertinggi
Selaras Dengan Falsafah Pendidikan
Sepanjang Hayat.

DSP 2.2.2

Memupuk Pembangunan Pendidikan
Di Peningkat Awal Pembelajaran Sebagai
Asas Penting Dalam Pembangunan
Modal Insan.

DPU 2.3

**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
MASYARAKAT YANG MENCIKUP,
BERKUALITI, BERTEKNOLOGI
PINTAR DAN MUDAH SAMPAI
KEPADA SEMUA LAPISAN
MASYARAKAT**

DSP 2.3.1

Menyediakan Kemudahan Kesihatan Yang
Mencukupi Dan Berkualiti Termasuk
Perkhidmatan Pakar Berdasarkan Pwailaan
Dan Keperluan Penduduk.

DSP 2.3.2

Menyediakan Kemudahan Kebajikan
Masyarakat Mengikut Keperluan Kumpulan
Sesuai.

DSP 2.3.3

Menyediakan Perkhidmatan Keselamatan
Dan Kecemasan Melalui Polis, Bomba,
Angkatan Pertahanan Awam (APM) Dan
Agensi Penyelidikan Maritim Malaysia
(APMM) Bagi Mencapai Tahap Liputan
Perkhidmatan Yang Menyeluruh

DSP 2.3.4

Memastikan Penyediaan Kawasan Lapang
Dan Rekreasi Yang Mencukupi Mengikut
Hierarki Dan Taburan Penduduk

DSP 2.3.5

Menyediakan Kemudahan Sukan
Berprestasi Tinggi Dan Antarabangsa

DSP 2.3.6

Menyediakan Kemudahan Keagamaan
Yang Terancang Dan Mencukupi Selaras
Dengan Ketersuaian Jumlah Penduduk
Mengikut Agama Dan Pwailaan
Perancangan

DSP 2.3.7

Menyediakan Kemudahan Pusat
Perkhidmatan Sempang Mengikut
Keperluan Bagi Setiap Kawasan Tumpuan
Penduduk



**PULAU
PINANG
2030**

DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN



DPU 3.1



**MEMBANGUNKAN KAWASAN
PEMBANGUNAN YANG DIKENALPASTI BAGI
MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN
EKONOMI NEGERI PULAU PINANG DI TAHAP
ANTARABANGSA**

DSP 3.1.1

Memperkuuhkan Kedudukan Pulau Pinang Sebagai Pusat
Pertandingan Serantau Dan Antarabangsa.

DSP 3.1.2

Memperkasakan Industri Pelancongan Sebagai Salah Satu
Penggerak Utama Ekonomi Negeri Pulau Pinang.

DPU 3.2

**MEMASTIKAN PERSEKITARAN YANG
KONDISIF BAGI PERTUMBUHAN
EKONOMI NEGERI YANG MAMPAH,
BERDAYA SAING DAN BERNILAI TINGGI
MELALUI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN SOKONGAN YANG
BERSEKUTUAN**

DSP 3.2.1

Memperingkatkan Aktiviti Perindustrian Dengan
Kemudahan Sokongan Infrastruktur Dan Kemudahan
Asas Bertaraf Dunia.

DSP 3.2.2

Mempertingkatkan Aktiviti Perindustrian Berdasarkan
Pengetahuan Yang Juga Dapat Menghasilkan Produk
Kreatif Dan Inovatif

DSP 3.2.3

Menawarkan Kepelbagaian Ruang Perdagangan Dan
Perkhidmatan Yang Mampu Memacu Pertumbuhan
Ekonomi Berpulangan Tinggi Dan Memenuhi Ciri-ciri
Bangunan Hijau

DSP 3.2.4

Memperkemaskan, Meningkatkan Imej Serta
Menyediakan Kemudahan Sokongan Kepada
Perdagangan Informal Yang Menyumbang Kepada
Sektor Pelancongan

DSP 3.2.5

Menggalakkan Pembangunan Pertanian (Tanaman,
Penternakan Dan Akuakultur) Secara Komersial Dan
Terancang Dengan Amalan Teknologi Tinggi

Revolusi Perindustrian Ke-4

Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Ke-empat
adalah mengenai mesin yang dapat menghantar
memerika dan bertindak mengikut arahan yang
disambungkan kepada sistem pengacaraan setempat
dan melalui rangkaian komunikasi yang membolehkan
ia berinteraksi dengan mesin lain serta manusia untuk
mengeluarkan barangan dan menjalankan
perkhidmatan dengan cekap

Sumber:- Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi.

TERAS 3 EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL



**MEMBANGUNKAN KAWASAN
PEMBANGUNAN YANG DIKENAL-
PASTI BAGI MEMPERKUKUHKAN
PERTUMBUHAN EKONOMI
NEGERI PULAU PINANG
DI TAHAP ANTARABANGSA**

**2
DSP
LANGKAH**



**MEMASTIKAN PERSEKITARAN
YANG KONDISIF BAGI
PERTUMBUHAN EKONOMI
NEGERI YANG MAMPAH,
BERDAYA SAING DAN BERNILAI
TINGGI MELALUI PENYEDIAAN
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN
SOKONGAN YANG BERSEKUTUAN**

**5
DSP
LANGKAH**

INDUSTRI 1.0

Penemuan Enjin Stm.
Mekanisasi Seperti Mesin
Pital Dan Landasan
Lokomotif

Lowlat Kurun Ke-18

INDUSTRI 2.0

Penemuan Dan
Penggunaan Elektrik
Secara Komersial
Pengeluaran Besar-
Bersaam Melalui Barisan
Pemasangan, Barisan
Pengeluaran Utama,
Rumah Penyembelihan
Cincinnati, 1970

Pertengahan Kurun Ke-19

INDUSTRI 3.0

Pengenalan ICT,
Elektronik Dan Automasi
Berkusasa

Pertengahan Kurun Ke-20

INDUSTRI 4.0

Gabungan Sistem &
Teknologi Digital, Siber-
Fizikal & Biologi

Awal Kurun ke-21



DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN



DPU 4.1

MELAKSANAKAN DASAR-DASAR RANCANGAN STRUKTUR SECARA TELUS DAN BERINTEGRITI MELALUI MEKANISMA PELAKSANAAN YANG SISTEMATIK DENGAN URUS TADBIR YANG EFEKTIF

DSP 4.1.1

Menjadikan Semua Dasar Serta Garis Panduan Yang Berkaitan Dengan Pembangunan Sebagai Dokumen Awam Yang Boleh Dirujuk Dengan Mudah.

DSP 4.1.2

Memastikan Dasar-Dasar Rancangan Struktur Dipatuhi Di Dalam Pembangunan Negeri Pulau Pinang.



TERAS 4 URUS TADBIR KERAJAAN YANG BAIK

MELAKSANAKAN DASAR-DASAR RANCANGAN STRUKTUR SECARA TELUS DAN BERINTEGRITI MELALUI MEKANISMA PELAKSANAAN YANG SISTEMATIK DENGAN URUS TADBIR YANG EFEKTIF



DPU 4.1

**2
DSP
10
LANGKAH**

DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN

TERAS 5 PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM & BERDAYA HUNI

**MENGEKALKAN & MEMELIHARA
 KAWASAN SENSITIF ALAM
 SEKITAR (KSAS)
 BAGI MEMASTIKAN
 PEMBANGUNAN MAMPAN,
 MESRA ALAM & BERDAYA HUNI**

DPU 5.1

**6
 DSP
 27
 LANGKAH**

**MEMASTIKAN PERTUMBUHAN
 PEMBANGUNAN SPATIAL
 NEGERI PULAU PINANG
 DIBUAT BERPANDUKAN
 KEPADA RANCANGAN
 PEMAJUAN YANG DITETAPKAN**

DPU 5.2

**4
 DSP
 13
 LANGKAH**

**MEMAJUKAN KAWASAN
 PEMBANGUNAN DI NEGERI
 PULAU PINANG YANG DAPAT
 MEMBENTUK PERSEKITARAN
 YANG KONDISIF & MENARIK
 MINAT UNTUK DIRUNI**

DPU 5.3

**2
 DSP
 9
 LANGKAH**

**MENGAWAL PENCEMARAN
 ALAM SEKITAR MELALUI
 PENDEKATAN TEKNOLOGI HIJAU
 & AMALAN 'LOW CARBON
 CITY FRAMEWORK' (LCCF)**

DPU 5.4

**3
 DSP
 9
 LANGKAH**

DPU 5.1

**MENGEKALKAN DAN
 MEMELIHARA
 KAWASAN SENSITIF
 ALAM SEKITAR (KSAS)
 BAGI MEMASTIKAN
 PEMBANGUNAN
 MAMPAN, MESRA ALAM
 DAN BERDAYA HUNI**

DSP 5.1.1
 Mengelol dan Memelihara
 Kawasan Sensitif Alam
 Sekitar (KSAS) Seperti Kaas
 Berisiko Bencana, KSAS
 Bernilai Warisan Dan Kaas
 Sokongan Hidup

DSP 5.1.2
 Melaksanakan
 Pembangunan Secara
 Mampun Bagi Memastikan
 Keseimbangan Antara
 Pembangunan Fizikal Dan
 Kepentingan Alam Sekitar
 Yang Terjamin

DSP 5.1.3
 Aktiviti Pemotongan Tanah
 Bukit Akan Diawal Melalui
 Pengukuksaan Giris
 Panduan Kawasan Berisiko

DSP 5.1.4
 Memastikan Perancangan
 dan Pembangunan Guna
 Tanah Negeri Pulau Pinang
 Mengambil Kira Aspek
 Kemungkinan Risiko
 Bencana

DSP 5.1.5
 Mengelol dan Memelihara
 KSAS Bernilai Warisan
 Semulajadi

DSP 5.1.6
 Mengelol dan Memelihara
 KSAS Sokongan Hidup



DPU 5.2

**MEMASTIKAN
 PERTUMBUHAN
 PEMBANGUNAN SPATIAL
 NEGERI PULAU PINANG
 DIBUAT BERPANDUKAN
 KEPADA RANCANGAN
 PEMAJUAN YANG
 DITETAPKAN**

DSP 5.2.1
 menjadikan Gambar Rajah
 Utama Sebagai Rangka
 Strategi Rancangan
 Pembangunan Dan
 Penggunaan Tanah Yang
 Efisien

DSP 5.2.2
 Membangunkan Negeri Pulau
 Pinang Sebagai Konurbasi
 Utara dan Kawasan Tumpuan
 Pembangunan Bagi Menyokong
 Pertumbuhan Ekonomi Dan
 Perbandaran Wilayah Utara
 Semenanjung

DSP 5.2.3
 Membangunkan Negeri Pulau
 Pinang Berdasarkan Kepada
 Hierarki Pusat Pelampayan
 Yang Telah Dikenalpasti Di
 Dalam RFN dan DPN

DSP 5.2.4
 Memastikan Cadangan
 Pemajuan Diakutikan Dalam
 Kawasan Keutamaan
 Pembangunan



DPU 5.3

**MEMAJUKAN
 KAWASAN
 PEMBANGUNAN DI
 NEGERI PULAU PINANG
 YANG DAPAT
 MEMBENTUK
 PERSEKITARAN YANG
 KONDISIF DAN
 MENARIK MINAT UNTUK
 DIRUNI**

DSP 5.3.1
 Menggunakan Pendekatan
 Urban Renewal Di Kawasan
 Pembangunan Sedia Ada
 Dan Memperkenalkan
 Komponen Pembangunan
 Yang Dapat Meningkatkan
 Daya HUNI Kawasan
 Tersebut

DSP 5.3.2
 Menerapkan Pendekatan
 Elemen-Elemen Bandar
 Berdaya HUNI Dalam
 Pembangunan Baharu



DPU 5.4

**MENGAWAL
 PENCEMARAN ALAM
 SEKITAR MELALUI
 PENDEKATAN
 TEKNOLOGI HIJAU
 DAN AMALAN 'LOW
 CARBON CITY
 FRAMEWORK' (LCCF)**

DSP 5.4.1
 Memastikan Penyediaan
 SIA, EIA & EMP Serta EMR
 Dipatuhi Dan
 Melaksanakan Langkah-
 Langkah Mitigasi Yang
 Telah Dicaadangkan
 Sebagai Mekanisma
 Pengawasan Pencemaran
 Alam Sekitar Di Dalam
 Aktiviti Pemajuan Tanah

DSP 5.4.2
 Mengurangkan
 Pengeluaran Karbon Ke
 Persekitaran Melalui
 Penggunaan Teknologi
 Hijau Dan Bahan Bakar
 Alternatif Yang Tidak
 Mencemarkan

DSP 5.4.3
 Mengamalkan Amalan Baik
 Dalam Industri Pembinaan
 Dan Pertanian Bagi
 Meminimalkan Pengeluaran
 Bahan Tercemar Yang
 Boleh Mempasak Kualiti
 Air Dan Udara

DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN



DK 6.1

Dasar Khusus 1
PEMBANGUNAN DI KAWASAN
BERSEMPADANAN DENGAN
NEGERI PULAU PINANG

DK 6.1.1
Menyelaras Perancangan Dan
Pembangunan Guna Tanah Di Kawasan
Bersempadanan Secara Holistik Dan
Integrasi

DK 6.1.2
Menyelaras Hierarki Dan Rangkaian Jalan
Perhubungan, Infrastruktur, Utiliti Dan
Kemudahan Awam

DK 6.1.3
Meningkatkan Kejelasan (Legibility)
Sempadan Negeri Pulau Pinang

DK 6.2

Dasar Khusus 2
PEMULIHARAAN DAN
PEMBANGUNAN KAWASAN
KAMPUNG

DK 6.2.1
Merancang Dan Membangunkan Guna
Tanah Kampung Secara Holistik

DK 6.2.2
Memelihara Keterserian Identiti Dan
Karakter Kampung Dengan Persekitaran
Terdalamnya Kampung Berorientasi
Warisan

DK 6.2.3
Menggalakan Aktiviti Ekonomi Untuk
Menyokong Industri Pelancongan Desa.

DK 6.3

Dasar Khusus 3
PENGURUSAN PERSISIRAN
PANTAI DAN TEBUS GUNA
TANAH

DK 6.3.1
Merancang Dan Mengurus
Pembangunan Di Kawasan Persisiran
Pantai

DK 6.3.2
Menelusur Guna Tanah Sebagai
Alokasi Penyediaan Kawasan
Pembangunan Baharu Dan Akan
Dihadkan Di Kawasan Yang Telah
Dikenalpasti

DK 6.3.3
Mempertingkatkan Pemeliharaan Dan
Pemuliharaan Asest Ekologi Negeri
Pulau Pinang



DASAR KHUSUS

Dasar Khusus (DK) dirangka bagi memperlihatkan kepentingan sesebuah tempat yang telah dikenalpasti dari segi ekonomi, alam sekitar dan pembangunan fizikal. Pembentukan DK ini juga adalah sebagai dasar tambahan kepada Dasar Perancangan Utama (DPU) dan Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) yang telah dikenalpasti.

Bagi RSNPP 2030, terdapat tiga (3) DK baharu digariskan iaitu:

- Pembangunan Di Kawasan Bersempadanan Dengan Negeri Pulau Pinang;
- Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Kampung; dan
- Pengurusan Persisiran Pantai dan Tebus Guna Tanah.

3
DK
7
LANGKAH

DASAR KHUSUS 1

PEMBANGUNAN DI
KAWASAN BERSEMPADANAN
DENGAN NEGERI PULAU PINANG



3
DK
10
LANGKAH

DASAR KHUSUS 2

PEMULIHARAAN DAN
PEMBANGUNAN
KAWASAN KAMPUNG



3
DK
12
LANGKAH

DASAR KHUSUS 3

PENGURUSAN PERSISIRAN
PANTAI DAN TEBUS
GUNA TANAH





- Monorail
- Light Rail Transit (LRT)
- Bus Rapid Transit (BRT)
- George Town Outer Bypass
- Penang Outer Ring Road (PORR)
- Inner Ring Road (IRR)
- Skycab
- Sea Tunnel
- North Coastal Road

- Penang Link 1
- Penang Link 2
- Penang Link 2A

 Tebusguna Tanah

..... Keretapi

--- Cadangan Jalan Persisiran Utara

 Lapangan Terbang

 Pelabuhan Utama Terminal Ferry

 Pelabuhan Kapal Layar

RANGKAIAN SISTEM PENGANGKUTAN SEDIA ADA DAN MASA HADAPAN

CADANGAN PEMBANGUNAN UTAMA

- 1 PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS**
Meningkatkan kapasiti terminal penumpang dan pengendalian kargo
- 2 PENINGKATAN KAPASITI PELABUHAN**
 - Membesarkan Terminal Kargo Buttenworth Utara.
 - Membesarkan Terminal Kargo Buttenworth Selatan.
 - Membesarkan Dermaga Kargo Pukal Perai.
 - Membesarkan Pelabuhan Swettenham.
- 3 PEMBINAAN RANGKAIAN PERHUBUNGAN LEBUH RAYA DAN JALAN RAYA**
 - Laluan Hubungan ke 3 Pulau Pinang- Seberang Perai
 - Link 1 (Bayan Baru Pulau Tikus)
 - Link 2 (Pulau B-Teluk Kumbang-Paya Terubong)
 - Link 2A (Pulau A-Batu Maung)
 - George Town Inner Ring Road
 - George Town Outer By Pass
 - Tanjung Tokong-Tanjong Bungah
- PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM**

Monorel

 - George Town - Ayer Hitam - Paya Terubong
 - Pulau Tikus - Tanjung Bungah
 - Bagan Ajam - Butterworth - Perai - BM - Permatang Tinggi

Light Rapid Transit (LRT)

 - PSR - LTABL - Bayan Baru - Gelugor - Perai - Butterworth- 4 Bus Rapid Transit (BRT)**
 - Butterworth - Seberang Jaya - Juru-Simpang Empat - Batu Kawan - Nibong Tebal

SkyCab

 - Jelutong - Perai

Water Taxi

 - Menyediakan perkhidmatan bot antara pulau-pulau.
- 5 PEMBANGUNAN PENANG SOUTH RECLAMATION PROJECT (PSR)**
 - Terletak di lokasi yang strategik berhampiran LTAB Bayan Lepas dan Jambatan kedua
 - Menebuseguna laut berdasarkan konsep pembentukan 3 buah pulau untuk menyediakan tanah bagi menampung keperluan pembagunan masa hadapan.
 - Mengelakkan penerokaan kawasan bukit dan hutan sedia ada untuk pembangunan. Menyediakan ruang bagi pertumbuhan industri di sekitar Bayan Lepas.
 - Mengelakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.
 - Mewujudkan persekitaran kehidupan yang inklusif, berdayahuni dan teknologi bandar pintar dengan sokongan infrastruktur pengangkutan yang terkini.
- 6 PENGEKALAN KAWASAN HUTAN**

Mengelakkan biodiversiti, keseimbangan ekosistem, kawasan tadahan air, habitat semulajadi, penyerap risiko tsunami, hakisan pantai serta tarikan pelancongan dan rekreasi melalui :

 - Pengekalan kawasan Hutan Simpan Kekal (5,100 hektar)
 - Pewartaan kawasan Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Darat sebagai Hutan Simpan Kekal
 - Pengekalan kawasan bercirikan hutan yang berketinggian 76 meter (250 kaki) ke atas
 - Pengekalan kawasan berkecerunan 25 darjah ke atas
- 7 PENGIKTIRAFAN HUTAN DAN PERSEKITARAN BUKIT BENDERA SEBAGAI UNESCO BIOSPHERE RESERVE**
 - Mengelak dan memelihara persekitaran hutan dan topografi semulajadi merangkumi keseluruhan kawasan hutan di Bukit Bendera dan sekitarnya.
 - Mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi memelihara Bukit Bendera dan kawasan hutan persekitarannya sebagai 'Biosphere Reserve'.
- 8 PENGEKALAN KAWASAN PADJ**

Mengelakkan Jelapang Padi Negara yang menyumbang kepada bekalan sumber makanan dan sokongan hidup.
- 9 PEMELIHARAAN ZON WARISAN GEORGE TOWN**
 - Memelihara warisan budaya dan pengawalan aktiviti berteraskan pembangunan perniagaan dan perkhidmatan pelancongan.
- PEMELIHARAAN KAWASAN PERKAMPUNGAN**
 - Memelihara kawasan perkampungan dan mempromosikannya sebagai tarikan eko dan agro pelancongan.
- PENINGKATAN KAPASITI BEKALAN AIR**
 - Menjalinkan rundingan kerjasama dengan negeri-negeri bersempadan untuk sumber bekalan air mentah yang berterusan.
 - Memperkenalkan penggunaan air bawah tanah sebagai sumber alternatif.
 - Mengalakkan guna semula air seperti 'rain water harvesting' dan rawatan bioteknologi.
- PELUPUSAN SISA PEPEJAL**
 - Meneruskan operasi sistem pengumpulan transit di Batu Maung.
 - Meneruskan penggunaan Tapak Pelupusan Pulau Burung.
 - Mengenalpasti Teknologi Hijau yang sesuai dan berkesan untuk digunapakai.
 - Mengalakkan amalan pengasingan dan kitar semula dari punca



Peta Lokasi:



PETUNJUK :

Kawasan Pembangunan

- Kawasan Kuitaan Pembangunan 1
- Kawasan Kuitaan Pembangunan 2
- Rancangan Kawasan Khas (RK)

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

- Hutan Simpan Kekah (HSK)
- Hutan
- Badan Air
- Jelapang Padi
- Pertanian
- Sempadan Kawasan Tadahan
- Kawasan Biosphere
- Garisan Kontor 76 meter (250 kaki)

Pengangkutan Dan Perhubungan

- Monorail
- Light Rail Transit (LRT)
- Bus Rapid Transit (BRT)
- George Town Outer Bypass
- Penang Outer Ring Road (PORR)
- Inner Ring Road (IRR)
- Skycab
- Sea Tunnel
- Penang Link 1
- Penang Link 2
- Penang Link 2A
- North Coastal Road

Lain - Lain

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

